

# Mutu khidmat hotel di Langkawi meningkat

LANGKAWI, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata mutu perkhidmatan hotel di Langkawi semakin meningkat, manakala kadar bayaran yang dikenakan pula berpatutan berbanding sebelum ini.

Katanya, pelancong tidak lagi merungut mengenai mutu perkhidmatan dan kadar penginapan.

"Dulu terlalu banyak pelancong yang merungut mengenai perkhidmatan dan penginapan.

"Sekarang kadar bayaran lebih berpatutan dan tidak ramai yang merungut," katanya di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan lawatan dua hari ke beberapa projek pembangunan dan pelancongan di pulau ini, termasuk Taman Buaya, di Datai yang mempunyai 1,000 buaya berumur di antara enam bulan dan 23 tahun.

Beliau juga melawat beberapa hotel bertaraf sederhana yang baru memulakan perniagaan, termasuk pembinaan jeti feri di Kuah dan pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi yang baru serta perumahan kakitangan kerajaan negeri dan persekutuan.

Dr Mahathir berkata,

pengusaha hotel mesti menyedari bahawa perniagaan mereka adalah usaha jangka panjang.

Menurutnya, jika kadar penginapan terlalu tinggi dan mutu perkhidmatan pula tidak memuaskan, pelancong hanya akan datang sekali.

Beliau mencadangkan pengusaha chalet kecil dan lama mengadakan usahasama bagi meningkatkan dan memajukan perniagaan.

Mengenai persediaan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima 93) Disember ini, Dr Mahathir berkata lebih banyak bilik hotel diperlukan bagi menam-

pung pelancong dan peserta pameran.

Katanya, walaupun bilangan bilik makin meningkat, ia sudah ditempah untuk sepanjang tahun ini dan kemungkinan tidak mencukupi bagi menampung kehadiran pelancong ketika Lima 93.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan mungkin membina lebih banyak hotel yang boleh siap dibina dalam tempoh yang singkat, seperti Delima Resort yang mempunyai 1,500 bilik.

Fasa pertama 300 bilik hotel itu dibina dalam tempoh 55 hari dan fasa kedua 1,200 bilik disiapkan selama lima bulan.